

Tajuk : 300,000 Hektar Ditanam Getah Sumber Alternatif

300,000 hektar ditanam getah sumber alternatif

Kuching: Sarawak berhasrat menanam getah di kawasan seluas 300,000 hektar bagi menampung keperluan industri selain mewujudkan sumber alternatif kepada produk perikanan.

Ketika ini, terdapat kebimbangan industri perabot tempatan yang bergantung sepenuhnya kepada kayu hutan berhadapan masalah kekurangan sumber pada masa hadapan.

Pengerusi Lembaga Penyelidikan dan Pembangunan Hutan Malaysia (MFRDB), Nancy Shukri, berkata agensi seperti RISDA dan FELCRA Berhad ba-

nyak membantu ke arah itu.

Katanya, kebanyakan pokok getah sedia ada ditanam secara liar dan ladang lama ditebang serta digantikan dengan pokok sawit menyebabkan keluasan tanaman semakin berkurangan.

Getah berpotensi

“Disebabkan itu RISDA dan FELCRA menggalakkan pemilik tanah terutamanya di sekitar Kuching, Sri Aman dan Betong kembali menanam getah yang mempunyai potensi luas dalam pasaran.

“Selain dari susu, kayu getah juga boleh digunakan bagi

menghasilkan perabot dan papan lapis yang sudah diakui setanding dengan kayu asli tapi harganya lebih rendah,” katanya ketika sidang media, di sini, semalam.

Terdahulu Nancy yang mewakili Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Seri Douglas Uggah Embas, merasmikan Seminar Kayu Getah, Akasia, Palma, Spesies Perintis: Sumber Industri Perikanan Sarawak.

Seramai 100 peserta menghadiri seminar dua hari itu yang turut dihadiri Pengarah Institut Rekabentuk dan Inovasi, Universiti Malaysia Sa-

rawak (UNIMAS), Prof Dr Khairul Aidil Azlin Abdul Rahman dan Timbalan Pengurus Besar Perbadanan Kemajuan Perusahaan Kayu Sarawak (PUSAKA), Hashim Bojet.

Nancy yang juga Ahli Parlimen Batang Sadong berkata, walaupun teknologi pengeluaran perabot berasaskan kayu getah belum meluas di Sarawak, ia boleh dibawa masuk jika sumber dalam negeri mencukupi.

“Ketika ini hanya terdapat kira-kira 100 hektar kebun getah termasuk pokok getah liar dan jumlah itu tidak mencukupi bagi dijadikan sumber pengeluaran perabot secara besar-besaran.

“PUSAKA sendiri mengakui kayu getah berpotensi dijadikan sumber alternatif kepada sumber kayu asli yang semakin berkurangan dan menyebabkan perabot menjadi mahal,” katanya.